

**PERLEMBAGAAN BAGI
PERTUBUHAN INDUK BERCAWANGAN
PERSATUAN KEBANGSAAN PEKEBUN-PEKEBUN
KECIL MALAYSIA
(PPM-004-14-10121975)**

FASAL 1

NAMA

1. Pertubuhan ini dikenali dengan nama :
PERSATUAN KEBANGSAAN PEKEBUN-PEKEBUN KECIL MALAYSIA
Selepas ini disebut “Pertubuhan”.

2. Takrif Nama
 - (a) Pertubuhan ini dinamakan “PERSATUAN KEBANGSAAN PEKEBUN-PEKEBUN KECIL MALAYSIA” atau nama ringkasnya “PKPKM” dan nama Inggerisnya “ National Association of Smallholders Malaysia atau nama ringkasnya “NASH”.
 - (b) “Pekebun kecil” ertinya pemilik tanah pertanian yangmemiliki kurang daripada 100 ekar atau 40.46 hektar.
 - (c) “Presiden” ertinya gelaran kepada Pengerusi Pertubuhan Pusat.
 - (d) “Pengerusi” ertinya gelaran kepada Pengerusi Pertubuhan Negeri dan Cawangan.
 - (e) “Mesyuarat Agung Dwitahunan” ertinya mesyuarat yang wajib diadakan oleh Pertubuhan ini pada setiap dua tahun sekali seperti disebut dalam Perlembagaan ini.

- (f) “Mesyuarat Agung Khas” ertinya mesyuarat yang boleh diadakan pada bila-bila masa mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam Perlembagaan ini.
- (g) “Majlis Tertinggi” ertinya badan pengelola bagi Pertubuhan ini seperti disebutkan dalam Perlembagaan.
- (h) “Jawatankuasa Kerja Tertinggi (JKT) ertinya badan yang bertanggungjawab kepada Majlis Tertinggi.
- (i) “Pertubuhan Pusat” bermakna Pertubuhan Induk di peringkat Kebangsaan.
- (j) “Pertubuhan Negeri” bermakna Cawangan Negeri yang ditubuhkan di peringkat negeri;
- (k) “Pertubuhan Cawangan” bermakna cawangan yang ditubuhkan di dalam daerah, mukim atau kampung di dalam sebuah negeri.

3. Taraf Pertubuhan : Lain-lain

FASAL 2

TEMPAT URUSAN

1. Alamat berdaftar dan tempat urusan pertubuhan ialah :

D-1-11, SETIAWANGSA BUSINESS SUITES,
JALAN SETIAWANGSA 11, TAMAN SETIAWANGSA,
54200 KUALA LUMPUR,
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR.

dan alamat untuk surat-menyurat adalah :

D-1-11, SETIAWANGSA BUSINESS SUITES,
JALAN SETIAWANGSA 11, TAMAN SETIAWANGSA,
54200 KUALA LUMPUR,
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR.

atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh jawatankuasa.

2. Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

FASAL 3

TUJUAN/MATLAMAT

1. Tujuan dan matlamat Pertubuhan adalah seperti berikut :-
 - (a) Memajukan semua masalah berkaitan dengan kegiatan pekebun-pekebun kecil Malaysia dan kepentingan mereka.
 - (b) Mewakili, menyokong dan memajukan langkah-langkah di sisi undang-undang dan keputusan-keputusan lain mengenai kegiatan tanaman pekebun-pekebun kecil kepada Kerajaan dan Badan-badan Berkanun lain di Malaysia dan mendapatkan pandangan serta perhatian daripada merekayang cenderung kepada atau yang ada minat serta pertaliandi dalam kegiatan sedemikian.
 - (c) Mengumpul, mengedar dan memajukan perangkaan dan maklumat-maklumat lain mengenai dengan kegiatantanaman yang berfaedah kepada pekebun-pekebun kecil yang menjadi ahli.
 - (d) Mengadakan cara-cara serta alat-alat penerangan yang mana dengannya perkhidmatan teknik pertanian yang dijalankan oleh Kerajaan dan Badan Berkanun dapat disampaikan dan

digunakan dengan seluas-luasnya kepada ahli-ahli khasnya dan pekebun-pekebun kecil amnya.

- (e) Mengumpul wang dari ahli-ahli dan mengadakan tabung amanah bagi membantu, menjaya dan mempergiatkan lagi Pertubuhan.
- (f) Mendapatkan atau memiliki harta-harta sama ada harta tetap atau sebaliknya untuk dipinjamkan, dipajak, dijual atau digadai bagi faedah Pertubuhan.
- (g) Melaburkan wang Pertubuhan yang mendatangkan hasil yang maksimum.
- (h) Menambahkan wang dengan cara tertentu dan menggunakannya dengan cara-cara yang berfaedah, iaitu mengikut sebagaimana keputusan Mesyuarat Agung.
- (i) Menggalakkan ahli-ahli menyatukan tenaga untuk kebendaan, menubuhkan dan mendaftarkan syarikat-syarikat persendirian atau syarikat-syarikat koperatif atau yayasan dengan pihak yang berkenaan bagi kepentingan mereka.
- (j) Menggalakkan ahli-ahli yang mempunyai kebun-kebun memasuki rancangan menanam semula dan menanam baru atau pemulihan yang diusahakan oleh Kerajaan atau badan-badan berkanun atau memiliki modal dengan jalan membeli saham-saham yang diterbitkan bagi tujuan tersebut tanpa meninggalkan tanaman kebun-kebun mereka.
- (k) Mengadakan syarahan-syarahan, perbincangan, seminar dan konvensyen untuk faedah pekebun-pekebun kecil.
- (l) Bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan, swasta, NGO, badan-badan berkanun, individu tertentu yang boleh memberi faedah kepada pekebun-pekebun kecil terutama dalam hal taraf ekonomi, sosial dan kemajuan teknik pekebun-pekebun kecil.

- (m) Melakukan apa-apa kegiatan yang sah di sisi undang-undang dan yang difikirkan perlu bagi menjaga kebajikan dan kepentingan ahli khasnya dan pekebun kecil amnya.
2. Amnya untuk menggalakkan tujuan dan matlamat di atas, Pertubuhan ini bolehlah menubuhkan Cawangan Negeri dan Cawangan-cawangan di sesebuah daerah, mukim atau kampung di dalam Malaysia.

FASAL 4

KEAHLIAN

1. Syarat–syarat Asas

- (a) Warganegara Malaysia.
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak lebih daripada 60 tahun semasa memohon menjadi ahli kecuali seseorang yang dipersetujui oleh Majlis Tertinggi.
- (c) Sanggup mematuhi Perlembagaan dan peraturan Pertubuhan ini.

2. Kategori dan Kriteria Ahli

(a) Ahli Biasa

- (i) Terbuka kepada pekebun kecil yang mempunyai tanah pertanian yang luasnya di bawah 100 ekar (40.4686 hektar) atau yang mempunyai hak yang setaraf dengannya atau;
- (ii) Seseorang yang terlibat secara langsung di dalam sektor pertanian.

(b) Ahli Bersekutu

- (i) Terbuka kepada Persatuan-persatuan, Agensi-agensi, Koperasi-koperasi dan Pertubuhan-pertubuhan yang terlibat secara langsung dalam aktiviti-aktiviti sektor pekebun kecil.
- (ii) Ahli Bersekutu boleh diwakili di dalam mesyuarat Majlis Tertinggi dan Jawatankuasa atas jemputan, tetapi tidak berhak mengundi.

(c) Ahli Kehormat

- (i) Terbuka kepada seseorang kenamaan dalam bidang pertanian dan di kalangan profesional yang difikirkan boleh memberi sumbangan kepada kemajuan sektor pekebun kecil.
- (ii) Ahli Kehormat boleh dibenarkan hadir di dalam mesyuarat-mesyuarat Pertubuhan ini untuk memberi pandangannya kepada Pertubuhan bagi membincangkan perjalanan dengan kemahiran dan kepakaran mereka.
- (iii) Ahli Kehormat tidak berhak mengundi atau dilantik memegang jawatan dalam Majlis Tertinggi atau Jawatankuasa.
- (iv) Ahli Kehormat boleh dilantik untuk mengendalikan sesuatu tugas penting di mana kemahiran dan pengaruh mereka sangat-sangat diperlukan.
- (v) Seseorang daripada Ahli-ahli Kehormat bolehlah dilantik oleh Majlis Tertinggi menjadi Penasihat.

- (vi) Seseorang daripada Ahli-ahli Kehormat bolehlah dilantik oleh Majlis Tertinggi menjadi Penaung.

3. Permohonan Menjadi Ahli

- (a) Seseorang yang hendak menjadi Ahli Biasa hendaklah menghantar borang permohonan beserta yuran kepada Setiausaha Agung dan menyatakan di cawangan mana dia hendak menjadi ahli.
- (b) Sekiranya ahli tidak menyatakan cawangan untuk didaftarkan, Setiausaha Agung berhak menentukan di cawangan mana ahli tersebut akan didaftarkan.
- (c) Borang permohonan untuk menjadi Ahli hendaklah ditandatangani oleh pemohon, pencadang dan penyokong yang terdiri daripada dua (2) orang Ahli Biasa.
- (d) Presiden atau Setiausaha Agung berhak meluluskan atau menolak permohonan tanpa memberi sebarang sebab tetapi perlu dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Tertinggi untuk perakuan terakhir. Keputusan Majlis Tertinggi adalah muktamad.
- (e) Permohonan untuk menjadi Ahli Bersekutu hendaklah dihantar ke Ibu Pejabat Pertubuhan dengan ditandatangani oleh dua (2) orang Pegawai Tertinggi Pertubuhan tersebut untuk keputusan Majlis Tertinggi.

4. Penerimaan Menjadi Ahli

- (a) Setiausaha Agung hendaklah membawa segala permohonan keahlian baharu kepada Mesyuarat Majlis Tertinggi untuk pengesahan.

- (b) Ahli yang telah dikenakan tindakan tatatertib dengan cara dipecat keahliannya tidak akan diterima kembali menjadi ahli.
- (c) Ahli yang menarik diri daripada menjadi ahli tidak boleh menjadi ahli Pertubuhan ini lagi kecuali dia memohon menjadi ahli semula secara bersurat dan permohonannya dipersetujui oleh Majlis Tertinggi.
- (d) Seseorang ahli yang ingin bertukar dari satu cawangan ke cawangan lain hendaklah memberi sebab-sebab yang munasabah bagi pertukaran tersebut.
- (e) Presiden dan Setiausaha Agung berkuasa meluluskan pertukaran cawangan ahli namun perlu dibentangkan dalam Majlis Tertinggi untuk pengesahan.

5. Tanggungjawab dan Hak Ahli Biasa

- (a) Memegang teguh dasar dan peraturan dan melaksanakan tujuan dan matlamatnya.
- (b) Mematuhi arahan-arahan dan disiplin Pertubuhan.
- (c) Memberitahu Ibu Pejabat secepat mungkin apabila bertukar alamat.
- (d) Menghadiri mesyuarat-mesyuarat dan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti Pertubuhan apabila diarahkan.
- (e) Berkelakuan baik apabila menghadiri Mesyuarat Pertubuhan.
- (f) Menggunakan harta benda Pertubuhan dengan baik dan cermat.

- (g) Mengelak menerbitkan sebarang surat pekeliling atau surat keterangan mengenai Pertubuhan melainkan ia telah diluluskan oleh Presiden.
- (h) Mengelak menghebahkan atau mengumumkan sesuatu perkara berkaitan Pertubuhan kepada orang yang bukan ahli atau Pertubuhan lain atau media massa dengan tidak mendapat kebenaran Presiden.
- (i) Menjaga rahsia-rahsia Pertubuhan.
- (j) Memelihara nama baik Pertubuhan.
- (k) Berhak bercakap dan memberi pendapat dan pandangan serta mengundi di dalam Mesyuarat-Mesyuarat Pertubuhan.
- (l) Berhak bertanding atau dilantik untuk memegang sebarang jawatan dalam Pertubuhan, dengan syarat telah menjadi ahli sekurang-kurangnya empat (4) tahun bagi jawatan di peringkat Pusat.

6. Pembatalan Menjadi Ahli

- (a) Seseorang Ahli Biasa akan terbatal keahliannya sekiranya dia memohon dan atau diterima menjadi ahli mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang ditetapkan oleh Majlis Tertinggi sebagai bertentangan dengan kepentingan PKPKM.
- (b) Seseorang Ahli Biasa yang dihukum atas kesalahan jenayah dalam mana-mana mahkamah akan dibatalkan keahliannya.
- (c) Ahli yang merujuk keputusan Lembaga Tatatertib atau Majlis Tertinggi ke mana-mana mahkamah.

FASAL 5

PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

1. Keahlian Ahli Pertubuhan ini akan gugur sekiranya:-
 - (a) Ahli meninggal dunia;
 - (b) Tidak siuman/tidak waras/gila;
 - (c) Ahli dipecat oleh Majlis Tertinggi;
 - (d) Pemberhentian menjadi ahli Pertubuhan ini.
 - (e) Ahli Bersekutu yang tidak menjelaskan yuran tahunan selama dua (2) tahun berturut-turut.
2. Ahli Biasa boleh meminta berhenti daripada menjadi Ahli Pertubuhan ini dengan mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Setiausaha Agung dan permohonan tersebut hendaklah dimaklumkan kepada Majlis Tertinggi.
3. Ahli Bersekutu boleh meminta berhenti menjadi ahli dengan mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Setiausaha Agung dan permohonan tersebut hendaklah dimaklumkan kepada Majlis Tertinggi.
4. Presiden atau Setiausaha Agung berkuasa meluluskan pemberhentian Ahli Biasa dan Ahli Bersekutu dan perlu dimaklumkan kepada Majlis Tertinggi.
5. Ahli Biasa dan Ahli Bersekutu yang telah mendapat kelulusan pemberhentian ahli Pertubuhan ini akan hilang segala hak dan keutamaannya dalam Pertubuhan ini.
6. Segala yuran yang telah dibayar tidak akan dikembalikan kepada ahli yang dipecat atau diberhentikan atau dibatalkan keahliannya.

7. Lembaga Tatatertib

- (a) Lembaga Tatatertib mengandungi lima (5) orang ahli yang dilantik oleh Majlis Tertinggi dan korumnya ialah tiga (3) orang ahli.
- (b) Mana-mana ahli yang gagal mematuhi Perlembagaan Pertubuhan atau bertindak dengan cara yang akan mencemarkan nama baik Pertubuhan, menjejaskan, memudaratkan, atau apa saja tindakan yang boleh membawa implikasi buruk kepada Pertubuhan boleh dipecat atau digantung keahliannya bagi satu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Lembaga.
- (c) Notis dan agenda mesyuarat hendaklah dikeluarkan sekurang-kurangnya lima (5) hari sebelum tarikh mesyuarat.
- (d) Sebelum Lembaga ini memecat atau menggantung keahlian ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungannya secara bertulis. Ahli tersebut juga diberi tempoh 14 hari selepas diberitahu untuk memberi penjelasan dan membela diri.
- (e) Seseorang ahli hendaklah disifatkan telah bertindak mencemarkan nama baik Pertubuhan, menjejaskan, memudaratkan atau membawa implikasi buruk kepada Pertubuhan jika ia didapati melakukan mana-mana satu daripada perkara-perkara berikut :-
 - (i) merujuk pertikaian dalam Pertubuhan atau aduan kepada mana-mana orang selain daripada Pejabat Pendaftar Pertubuhan;
 - (ii) membuat kenyataan dalam akhbar atau mana-mana media massa mengenai Pertubuhan tanpa kebenaran Presiden;
 - (iii) membuat aduan atau tuduhan palsu ke atas ahli Majlis Tertinggi atau ahli lain;

- (iv) bertindak di luar etika mesyuarat di dalam mana-mana mesyuarat sehingga menjejaskan urusan perjalanan mesyuarat itu;
 - (v) memburuk-burukkan Pertubuhan sehingga mencemarkan nama baik dan menjejaskan imej Pertubuhan di luar gelanggang PKPKM;
 - (vi) menggunakan nama Pertubuhan untuk kepentingan peribadinya;
 - (vii) apa-apa tindakan lain yang ditentukan oleh Majlis Tertinggi yang boleh memudaratkan kepentingan PKPKM.
- (f) Seseorang ahli atau pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan Lembaga Tatatertib bolehlah merayu dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat pemecatan atau penggantungan kepada Majlis Tertinggi yang berkuasa memberi keputusan muktamad.
- (g) Seseorang ahli yang digantung keahliannya akan hilang segala haknya sebagai ahli dalam Pertubuhan semasa tempoh penggantungan tersebut dan apabila telah tamat tempoh penggantungan, kedudukan keahliannya akan diputuskan oleh Majlis Tertinggi.
- (h) Keputusan Lembaga Tatatertib atau Majlis Tertinggi tidak boleh dibawa ke mana-mana mahkamah.
- (h) Seseorang Ahli Biasa yang dihukum atas kesalahan jenayah dalam mana-mana mahkamah akan dibatalkan keahliannya.

FASAL 6

SUMBER KEWANGAN

1. Sumber kewangan Pertubuhan ini adalah daripada :

(a) Ahli Biasa

Yuran Pendaftaran:

RM5.00 (Ringgit Malaysia Lima Ringgit Sahaja)

Yuran Ahli:

RM10.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Ringgit Sahaja)

(Ahli Biasa perlu menjelaskan yuran sekali sahaja sepanjang menjadi ahli)

(b) Ahli Bersekutu

Yuran Pendaftaran:

RM100.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus sahaja)

Yuran Tahunan:

RM300.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sahaja)

2. Ahli Bersekutu hendaklah menjelaskan yuran tahunannya terus kepada Ibu Pejabat Pertubuhan.

3. Ahli Kehormat tidak dikenakan apa-apa yuran.

FASAL 7

MESYUARAT PERWAKILAN

1. Aktiviti Pertubuhan ini dijalankan di bawah kekuasaan dan perancangan di Mesyuarat Agung tetapi Mesyuarat Agung ini sendiri

adalah tertakluk di bawah Perlembagaan Pertubuhan dan Aturan Peraturan Mesyuarat.

2. Majlis Tertinggi berkuasa membuat Aturan Peraturan Mesyuarat Agung.
3. Aturan Peraturan Persidangan Mesyuarat Agung hendaklah dipakai untuk persidangan-persidangan Pertubuhan di semua peringkat.
4. Mesyuarat Agung peringkat Pusat hendaklah diadakan dua (2) tahun sekali sebelum akhir bulan Disember tahun kedua.
5. Mesyuarat Agung hendaklah dihadiri oleh :-
 - (a) Ahli Majlis Tertinggi;
 - (b) Perwakilan yang dipilih oleh Mesyuarat Agung peringkat Negeri. Bilangan perwakilan peringkat Negeri ialah seramai seorang wakil bagi tiap-tiap 100 orang Ahli Biasa daripada Cawangan-cawangan yang mengadakan Mesyuarat Agung pada tahun berkenaan, dengan syarat tidak ada Negeri boleh menghantar lebih daripada 30 orang perwakilan.
 - (c) Penasihat Persatuan boleh turut mengambil bahagian penuh dalam Mesyuarat Agung tetapi tidak berhak mengundi.
6. Korum bagi Mesyuarat Agung ialah separuh ($\frac{1}{2}$) daripada jumlah perwakilan yang berhak mengundi atau dua kali jumlah Ahli Majlis Tertinggi seperti di Fasal 8, Perkara 6 (a) mengikut mana yang kurang.
7. Sekiranya korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat agung, maka mesyuarat agung itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh tidak lebih daripada 30 hari yang ditetapkan oleh Majlis Tertinggi; dan jika korum masih tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat agung yang ditangguhkan itu, maka ahli-

ahli yang hadir berkuasa menjalankan mesyuarat tetapi tidak berkuasa untuk meminda Perlembagaan, Aturan Peraturan dan membuat keputusan mengenai harta Pertubuhan.

8. Agenda Mesyuarat Agung Dwitahunan adalah seperti berikut :-
 - (a) Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung yang lalu;
 - (b) Membentangkan Laporan Dwitahunan;
 - (c) Membentang dan Menerima Penyata Kewangan yang telah diaudit;
 - (d) Meluluskan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan;
 - (e) Memilih pegawai-pegawai bagi jawatan seperti berikut :-
 - (i) Presiden;
 - (ii) Timbalan Presiden;
 - (iii) Tiga (3) orang Naib Presiden.
 - (f) Melantik Juruaudit Bertauliah;
 - (g) Membincangkan usul-usul yang telah diterima daripada Negeri.
9. Syarat Pencalonan dan Pertandingan Jawatan
 - (a) Calon-calon yang ingin bertanding jawatan Presiden dan Timbalan Presiden hendaklah telah atau pernah menjadi Ahli Majlis Tertinggi dan Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Negeri selama dua (2) penggal.
 - (b) Calon-calon yang ingin bertanding jawatan Naib Presiden hendaklah telah atau pernah menjadi Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Negeri sekurang-kurangnya dua (2) penggal.
 - (c) Ahli yang hendak bertanding hendaklah mendapat sekurang-kurangnya dua (2) pencalonan dari Pertubuhan Negeri dengan syarat salah satu pencalonan adalah dari

Pertubuhan Negeri ahli tersebut didaftarkan.

- (d) Ahli yang dikenakan tindakan tatatertib tidak boleh bertanding sebarang jawatan di peringkat Pusat dan Negeri selama dua (2) penggal selepas tempoh pengantungan keahliannya tamat.
 - (e) Nama calon dari Pertubuhan Negeri hendaklah diputuskan dalam Mesyuarat Agung Pertubuhan Negeri terlebih dahulu dan disampaikan ke Pejabat Setiausaha Agung dalam tempoh 14 hari selepas Mesyuarat Agung sesebuah Negeri diadakan.
10. Pemberitahuan Mesyuarat Agung hendaklah disampaikan ke Pertubuhan Negeri- negeri bersama-sama dengan Notis, Agenda dan Minit Mesyuarat Agung, Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan bagi dua tahun yang lalu dalam masa 21 hari sebelum Mesyuarat Agung itu diadakan.
11. Penyata Kira-Kira bagi satu tahun untuk ke semua peringkat hendaklah diperbuat mengikut arahan dan diserahkan kepada Pendaftar Pertubuhan tiap-tiap tahun setelah tamat tahun kewangan.
12. Mesyuarat Agung Khas boleh diadakan pada bila-bila masa mengikut salah satu syarat yang berikut :-
- (a) Dengan kehendak Presiden;
 - (b) Dengan permintaan yang bersurat daripada 1/2 ahli Majlis Tertinggi; dan
 - (c) Dengan permintaan yang bersurat sekurang-kurangnya enam (6) Negeri.
- Mesyuarat Agung Khas yang diminta mengikut no. 12 (b) dan (c) di atas hendaklah diadakan dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan permintaan itu.
13. Sebarang Mesyuarat Agung Khas adalah mengandungi perwakilan

yang serupa dengan Mesyuarat Agung Biasa dan cara menghantar notis, korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Khas adalah serupa dengan Mesyuarat Agung Biasa juga.

14. Dalam mesyuarat di semua peringkat, bantahan atau aduan hendaklah dibuat secara bersurat dan disampaikan kepada Pertubuhan dalam tempoh tidak lebih dari tujuh (7) hari dari tarikh mesyuarat diadakan. Bantahan atau aduan yang diterima selepas dari tempoh yang ditetapkan adalah tidak sah.

FASAL 8

JAWATANKUASA PUSAT

1. Pegawai-pegawai Pertubuhan ini adalah seperti berikut :-
 - (a) Presiden
 - (b) Timbalan Presiden
 - (c) Tiga (3) orang Naib Presiden
 - (d) Setiausaha Agung
 - (e) Bendahari Agung
 - (f) Ketua Penerangan
 - (g) Ketua Kebajikan
2. Presiden, Timbalan Presiden dan tiga (3) orang Naib Presiden hendaklah dipilih oleh Mesyuarat Agung tiap-tiap dua (2) tahun sekali.
3. Setiausaha Agung, Bendahari Agung, Ketua Penerangan dan Ketua Kebajikan hendaklah dilantik oleh Presiden dengan persetujuan Majlis Tertinggi dan akan memegang jawatan masing-masing sehingga mereka berhenti atau pun diberhentikan oleh Majlis Tertinggi dengan apa sebab sekali pun.
4. Jika Presiden berhenti, maka Timbalan Presiden hendaklah memangku jawatan itu sehingga seorang Presiden baharu dipilih oleh Mesyuarat Agung.

5. Jika Timbalan Presiden berhenti, maka salah seorang Naib Presiden yang dipilih oleh Presiden akan memangku jawatan itu sehingga seorang Timbalan Presiden baharu dipilih oleh Mesyuarat Agung.
6. Majlis Tertinggi
- (a) Untuk menjalankan pentadbiran Pertubuhan ini, maka ahli-ahli Majlis Tertinggi hendaklah mengandungi tidak lebih daripada 28 orang seperti berikut :-
- (i) Pegawai-pegawai seperti yang terkandung dalam Fasal 8 (1).
- (ii) Semua Pengerusi Negeri, dan
- (iii) Lima (5) orang ahli yang dilantik oleh Presiden dengan persetujuan Majlis Tertinggi.
- (b) Majlis Tertinggi adalah menjadi tubuh yang menjalankan pentadbiran hal ehwal Pertubuhan di bawah kekuasaan dan perintah Mesyuarat Agung dan Majlis Tertinggi adalah berkuasa menjalankan sebarang langkah yang biasa atau yang khas bagi Mesyuarat Agung dalam masa di antara dua (2) tahun tetapi segala langkahnya hendaklah dimaklumkan kepada Mesyuarat Agung.
- (c) Majlis Tertinggi boleh melantik orang-orang yang berkelayakan untuk menjadi penasihat-penasihat Pertubuhan. Penasihat-penasihat juga berhak menghadiri mesyuarat-mesyuarat Majlis Tertinggi atas undangan Presiden tetapi tidak berhak mengundi.
- (d) Majlis Tertinggi hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam masa empat (4) bulan dan boleh juga diadakan bila-bila masa yang dikehendaki oleh Presiden atau dengan permintaan bersurat oleh 1/3 ahli Majlis Tertinggi.

- (e) Korum bagi menjalankan Mesyuarat Majlis Tertinggi ialah separuh daripada jumlah Ahli Majlis Tertinggi.
- (f) Notis dan agenda hendaklah diberikan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat diadakan.
- (g) Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Majlis Tertinggi dan mesyuarat dimaksudkan tidak dapat diadakan, Setiausaha Agung bolehlah memperoleh kelulusan berkenaan melalui surat pekeliling berdasarkan peruntukan-peruntukan berikut :-
 - (i) Perkara mustahak yang dimaksudkan perlu dicatat dengan terang dan dihantar kepada semua Ahli Majlis Tertinggi.
 - (ii) Sekurang-kurangnya separuh daripada Ahli Majlis Tertinggi mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan.
 - (iii) Keputusan adalah mengikut undi yang terbanyak. Bagaimana pun, sebarang keputusan yang dibuat menerusi surat pekeliling hendaklah dilaporkan dalam Mesyuarat Majlis Tertinggi yang akan datang untuk dicatat.
- (h) Jika Presiden tidak hadir, Timbalan Presiden hendaklah mempengerusikan mesyuarat. Jika Timbalan Presiden juga tidak hadir, Naib Presiden yang mendapat undi terbanyak dalam Mesyuarat Agung hendaklah mempengerusikan mesyuarat. Jika kelima-limanya tidak hadir, ahli-ahli yang hadir bolehlah melantik salah seorang daripada Ahli Majlis Tertinggi untuk mempengerusikan mesyuarat tersebut.
- (i) Jika Presiden berhenti, maka Timbalan Presiden hendaklah memangku jawatan itu sehingga seorang Presiden baharu dipilih oleh Mesyuarat Agung.

- (j) Seseorang Ahli Majlis Tertinggi bolehlah meminta berhenti daripada jawatannya dengan mengatakan sebabnya secara bersurat kepada Setiausaha Agung dan pemberhentiannya itu hendaklah dimaklumkan kepada Majlis Tertinggi dan jika sekiranya pemberhentiannya itu diterima, Majlis Tertinggi adalah berkuasa melantik penggantinya.
- (k) Jika 2/3 atau pun lebih daripada ahli Majlis Tertinggi berhenti dengan serentak, seseorang Ahli Majlis Tertinggi yang kanan hendaklah memanggil Mesyuarat Agung Khas untuk memilih Ahli Majlis Tertinggi baharu.
- (l) Majlis Tertinggi hendaklah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kerja Tertinggi (JKT) yang terdiri daripada Pegawai-pegawai seperti yang terkandung dalam Fasal 8 (1).
- (m) Tanggungjawab Jawatankuasa Kerja Tertinggi (JKT) adalah seperti berikut:-
 - (i) Membantu Majlis Tertinggi dalam hal mentadbir, merancang, merangka dan menyelaras perancangan dasar serta strategi pelaksanaan dasar Pertubuhan atau perkara-perkara lain yang difikirkan perlu oleh Presiden.
 - (ii) Membantu Majlis Tertinggi mengawasi dan menyelaras aktiviti Pertubuhan;
 - (iii) Berkuasa memutuskan perkara-perkara melibatkan pentadbiran dan kewangan.
 - (iv) Segala keputusan yang dibuat oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tertinggi (JKT) hendaklah dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Tertinggi untuk persetujuan kecuali yang telah diberi kuasa terlebih dahulu.
 - (v) Mengadakan Mesyuarat sekurang-kurangnya tiga (3)

kali setahun.

- (vi) Notis dan agenda mesyuarat perlu dikeluarkan sekurang-kurangnya lima (5) hari sebelum mesyuarat diadakan.
- (vii) Jawatankuasa Kerja Tertinggi (JKT) boleh menubuhkan jawatankuasa kecil jika difikirkan perlu.
- (viii) Korum Mesyuarat ialah separuh daripada jumlah ahli Jawatankuasa Kerja Tertinggi (JKT).

7. Tanggungans-Tanggungans dan Kuasa Majlis Tertinggi ialah :-

- (a) Membuat dasar-dasar dan rancangan-rancangan perindustrian dan perdagangan yang kukuh yang boleh dikendalikan oleh Negeri-negeri atau Cawangan-cawangan dan membentangkannya dalam Mesyuarat Agung.
- (b) Memilih wakil-wakil Persatuan yang akan menjadi anggota dalam Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Badan-badan yang berkenaan.
- (c) Mencari ikhtiar dan menjalankan sebarang usaha bersama dengan pertubuhan-pertubuhan lain untuk faedah kegiatan pekebum kecil keseluruhannya.
- (d) Meluluskan penubuhan dan pembubaran cawangan Negeri dan Cawangan-cawangan serta menyesuaikan pekerjaannya menurut Perlembagaan Pertubuhan serta mengawal dan memerhati perjalanan dan pentadbirannya.
- (e) Menyelesaikan perselisihan yang berbangkit dalam ketiga- tiga peringkat Pertubuhan ini.
- (f) Memberhentikan seseorang Ahli Majlis Tertinggi atau pegawai-pegawainya dan berkuasa melucutkan jawatan mana-mana pegawai Pertubuhan dan juga di Negeri-negeri

dan Cawangan-cawangan sekiranya didapati mereka tidak menjalankan kewajipan masing-masing dengan sempurna.

- (g) Membentangkan kepada Mesyuarat Agung Biasa suatu laporan yang menerangkan pekerjaan dan kemajuan dalam masa dua tahun yang lepas serta membentangkan penyata kira-kira yang telah diperiksa dan disahkan oleh Juruaudit Bertauliah bagi dua tahun yang lalu.
- (h) Mengemukakan penyata kewangan tahunan yang telah diperiksa dan maklumat-maklumat lain yang diwajibkan dan yang dikehendaki kepada Pendaftar Pertubuhan Malaysia.
- (i) Menjalankan kehendak Perlembagaan dan Aturan Peraturannya dan mengambil apa-apa jua langkah yang munasabah bagi menghasilkannya sekalipun terpaksa menggantung atau memberhentikan seseorang daripada menjadi ahli Pertubuhan atau terpaksa menggantung dan membubarkan Jawatankuasa Pertubuhan Negeri atau pun Jawatankuasa Pertubuhan Cawangan.
- (j) Mengadakan peraturan atau syarat-syarat yang tertentu dalam perkara permohonan hendak menjadi ahli.
- (k) Mengadakan Aturan Peraturan yang tidak bertentangan dengan Perlembagaan.
- (l) Menetapkan gaji dan/atau elaun Setiausaha Agung, Bendahari Agung, Ketua Penerangan dan Ketua Kebajikan, pegawai-pegawai bergaji serta kakitangan-kakitangan pejabat masing-masing dan bertanggungjawab memberhentikan perkhidmatan mereka tanpa memberi sebarang alasan.
- (m) Menerima dan menolak perletakan jawatan daripada seseorang ahli Majlis Tertinggi dan melantik pengganti bagi seseorang yang telah diterima perletakan jawatannya.

- (n) Menjalankan sebarang pekerjaan atau pun apa-apa langkah selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas mengikut Perlembagaan ini serta dasar yang ditetapkan oleh Mesyuarat Agung.
- (o) Membentangkan laporan-laporan yang berupa Laporan Tahunan atau Laporan Dwitahunan yang diterima dan disahkan dalam Mesyuarat Agung Negeri untuk pengetahuan Majlis Tertinggi.
- (p) Berkuasa pada bila-bila masa menjalankan pemeriksaan kira-kira wang dan harta Pertubuhan Negeri dan Pertubuhan Cawangan.

FASAL 9

KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI

1. Presiden

- (a) Menjadi Ketua Pertubuhan yang bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan Pertubuhan keseluruhannya.
- (b) Bertanggungjawab kepada semua Pegawai Kerja dan kakitangan di peringkat Pusat.
- (c) Mempengerusikan Mesyuarat Agung Dwitahunan Pusat, Mesyuarat Majlis Tertinggi dan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tertinggi (JKT).
- (d) Mempunyai kuasa pemutus yang muktamad dan hendaklah menandatangani peringatan mesyuarat yang telah diluluskan.
- (e) Berhak menandatangani semua cek Pertubuhan dan surat-suratan lain bersama-sama Setiausaha Agung atau Bendahari Agung atau penama lain yang dipersetujui oleh Majlis Tertinggi.

- (f) Mengetuai rombongan ke perjumpaan yang ada hubungan dengan kegiatan pekebun-pekebun kecil, dan menjadi pemerhati kepada persidangan-persidangan dalam dan luar negara berkaitan dengan kegiatan pekebun-pekebun kecil.

2. Timbalan Presiden

- (a) Membantu tugas-tugas Presiden dan mengambil alih tugas-tugas Presiden semasa ketiadaannya.
- (b) Menjalankan tugas-tugas yang diarahkan oleh Presiden bagi aktiviti-aktiviti tertentu dari semasa ke semasa.

3. Tiga (3) Orang Naib Presiden

Naib-naib Presiden akan mengambil alih tugas Timbalan Presiden semasa ketiadaannya.

4. Setiausaha Agung

- (a) Bertanggungjawab secara langsung kepada Presiden.
- (b) Menjadi Pegawai yang khas bagi mentadbirkan perjalanan Ibu Pejabat Pertubuhan.
- (c) Bertanggungjawab atas kesempurnaan mesyuarat Majlis Tertinggi, Jawatankuasa Kerja Tertinggi (JKT), Biro-biro, Jawatankuasa kecil, dan mesyuarat-mesyuarat khas di peringkat Pusat.
- (d) Menyediakan minit-minit mesyuarat dan laporan tahunan.
- (e) Hendaklah mendapatkan persetujuan daripada Majlis Tertinggi berkenaan dengan pengambilan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Ibu Pejabat dan juga atas pemberhentian mereka itu.
- (f) Bertanggungjawab menandatangani semua cek Pertubuhan bersama-sama Presiden atau Bendahari Agung atau penama

lain yang dipersetujui oleh Majlis Tertinggi.

5. Bendahari Agung

- (a) Bertanggungjawab atas kesempurnaan aliran wang masuk dan keluar di Ibu Pejabat Pertubuhan.
- (b) Menyediakan anggaran pendapatan dan perbelanjaan tahunan kepada Majlis Tertinggi dan Mesyuarat Agung.
- (c) Bertanggungjawab menyediakan penyata kewangan untuk diperiksa oleh Juruaudit Bertauliah yang dilantik oleh Mesyuarat Agung Biasa.
- (d) Membentangkan penyata kira-kira yang telah diperiksa dan disahkan oleh Juruaudit Bertauliah kepada Majlis Tertinggi dan Mesyuarat Agung.
- (e) Bertanggungjawab menandatangani cek-cek Pertubuhan bersama-sama dengan Presiden atau Setiausaha Agung atau penama lain yang dipersetujui oleh Majlis Tertinggi.
- (f) Bertanggungjawab memastikan segala pembayaran dibuat dengan tepat dan betul.

6. Ketua Penerangan

- (a) Bertanggungjawab mentadbirkan Biro Penerangan di Ibu Pejabat dan menyusun kerja-kerja pegawai-pegawai di dalam Biro ini.
- (b) Mengeluarkan kenyataan akhbar, radio dan televisyen mengenai aktiviti-aktiviti Pertubuhan.
- (c) Melaporkan kepada Majlis Tertinggi atas hal penerangan yang telah dilakukan dari semasa ke semasa supaya kesan-kesannya dapat dikaji.

7. Ketua Kebajikan

- (a) Menerima dan membentangkan di dalam Majlis Tertinggi segala laporan berkenaan dengan malapetaka yang menimpa ahli-ahli semoga dapat diatitkan bantuan diberi oleh pihak-pihak yang berwajib atau pun bantuan cemas sekiranya kewangan mengizinkan dengan syarat bantuan faedah bersama yang ditakrifkan dalam Akta Pertubuhan 1966 tidak akan dibayar.
- (b) Mentadbir Biro Kebajikan dan menyusun kerja-kerja pegawai-pegawai di dalam Biro ini.
- (c) Sentiasa prihatin terhadap perkembangan dari segi teknologi dan memaklumkan kepada Majlis Tertinggi agar perkara tersebut dapat disalurkan kepada ahli-ahli.

FASAL 10

KEWANGAN

- 1. Sumber Kewangan Pertubuhan ialah :-
 - (a) Yuran-yuran
 - (b) Derma, sumbangan, tajaan dan bantuan, sama ada daripada Kerajaan atau pihak lain.
 - (c) Usaha-usaha lain yang dipersetujui oleh Majlis Tertinggi.
- 2. Tahun Kewangan Pertubuhan ialah dari 1 Januari hingga 31 Disember.
- 3. Peruntukan-peruntukan kewangan kepada Negeri-negeri dan Cawangan-cawangan hendaklah diputuskan oleh Majlis Tertinggi.
- 4. Setiausaha-setiausaha Negeri dan Cawangan hendaklah menghantarkan ke Pejabat Setiausaha Agung penyata-penyata dan

ikatan-ikatan kira-kira bagi sesuatu tahun kewangan yang telah diperiksa dan disahkan.

5. Segala pendapatan dan keuntungan yang diperoleh dari kegiatan-kegiatan Pertubuhan hendaklah dijadikan kepunyaannya dan tidak boleh dibahagi-bahagikan kepada atau di antara ahli-ahli sebagai faedah atau bonus.
6. Pendapatan dan harta Pertubuhan walau apa sekalipun, akan digunakan semata-mata untuk mencapai tujuan-tujuan Pertubuhan sebagaimana yang terkandung dalam Perlembagaan dan tidak akan dibayar, atau ditukar kepada sesiapa juga ahli Pertubuhan ini, sama ada secara langsung atau tidak sebagai pembahagian untung, Bon atau lain-lain. Tetapi disyaratkan iaitu peraturan yang terkandung dalam Fasal ini tidak boleh menahan pembayaran gaji yang sebenar- benarnya, kepada pegawai-pegawai, orang-orang bergaji atau ganjaran kepada orang-orang lain yang dipersetujui oleh Majlis Tertinggi untuk membalas perkhidmatan dan jasa yang mereka berikan kepada Pertubuhan.
7. Khazanah Pertubuhan yang terdiri dari harta benda dan wang hendaklah ditadbir oleh Majlis Tertinggi mengikut syarat-syarat yang termaktub dalam Perlembagaan.
8. Majlis Tertinggi akan bertanggungjawab menyusun dan menyiapkan buku-buku berkaitan dengan :-
 - (a) Harta-benda, piutang dan tanggungan Pertubuhan.
 - (b) Jumlah wang-wang yang diterima dan dibelanjakan oleh Pertubuhan. Buku-buku daftar akan disimpan di Ibu Pejabat Pertubuhan atau di tempat yang lain yang ditentukan oleh Majlis Tertinggi.
9. Bendahari Agung boleh menyimpan wang panjar tidak lebih daripada RM1,000/- pada satu-satu masa. Semua wang yang berlebihan daripada wang ini yang diterima selepas 48 jam mestilah disimpan di

dalam bank-bank yang telah dipersetujui oleh Majlis Tertinggi. Penyata Bank ini hendaklah atas nama Pertubuhan.

10. Majlis Tertinggi berhak membuat peraturan kewangan yang melibatkan Ibu Pejabat, Negeri dan Cawangan, dan peraturan kewangan ini boleh dipinda atau diubahsuai daripada semasa ke semasa mengikut keperluan.
11. Sesuatu perbelanjaan selain yang diluluskan dalam Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu seperti berikut:-
 - (i) Perbelanjaan kurang RM10,000.00 pada satu-satu masa boleh diluluskan oleh Presiden bersama Bendahari Agung atau Setiausaha Agung.
 - (ii) Perbelanjaan melebihi RM10,000.00 dan tidak melebihi RM25,000.00 pada satu-satu masa, tidak boleh dilakukan tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Jawatankuasa Kerja Tertinggi (JKT).
 - (iii) Perbelanjaan yang melebihi RM25,000.00 tidak boleh dilakukan tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Majlis Tertinggi (MT).
12. Sebaik-baik sahaja selepas berakhir satu tahun kewangan, satu penyata kira-kira pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun itu hendaklah disediakan dan diaudit oleh Juruaudit Bertauliah yang telah dilantik oleh Mesyuarat Agung. Penyata kira-kira yang telah diaudit itu hendaklah dibentangkan oleh Majlis Tertinggi di dalam Mesyuarat Agung yang akan datang.
13. Pemegang Amanah
 - (a) Pemegang Amanah Pertubuhan ini terdiri daripada Presiden dan dua (2) Ahli Majlis Tertinggi lain.
 - (b) Pemegang Amanah akan diamanahkan semua harta tetap

kepunyaan Pertubuhan ini selepas satu surat amanah dikeluarkan kepada mereka untuk menguruskan semua harta tetap mengikut yang diperintahkan oleh Majlis Tertinggi.

- (c) Pemegang Amanah tidak boleh menjual, menarik balik atau menukarkan harta kepunyaan Pertubuhan ini tanpa persetujuan dan kuasa yang diberikan oleh Majlis Tertinggi.
- (d) Majlis Tertinggi boleh melucutkan jawatan Pemegang Amanah oleh sebab uzur kerana penyakit, tidak siaman, tidak bermastautin di dalam negeri, muflis atau kerana sebab lain yang menghindarkannya.

FASAL 11

JURUAUDIT

1. Seorang Juruaudit Bertauliah akan dilantik oleh Majlis Tertinggi sebagai Pemeriksa Kira-Kira yang dibayar untuk melakukan audit Pertubuhan.
2. Juruaudit Bertauliah akan memegang jawatan selama tempoh yang dipersetujui oleh Majlis Tertinggi dan boleh dilantik semula.
3. Juruaudit bertauliah juga dikehendaki pada bila-bila masa oleh Presiden dan Bendahari Agung untuk memeriksa penyata kira-kira Pertubuhan Negeri atau Cawangan dalam tempoh jawatan mereka dan membuat laporan kepada Majlis Tertinggi.

FASAL 12

PENTADBIR HARTA

Tiada berkaitan.

FASAL 13

PEMBUBARAN

1. Pertubuhan ini boleh dibubarkan secara sukarela melalui Mesyuarat Agung Dwitahunan atau Mesyuarat Agung Khas dengan persetujuan tidak kurang daripada 2/3 jumlah perwakilan.
2. Sekiranya Persatuan ini dibubarkan secara yang disebutkan di atas, segala hutang dan tanggungannya yang sah mengikut Undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui di dalam Mesyuarat Agung.
3. Pemberitahuan pembubaran Pertubuhan hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam tempoh 14 hari dari tarikh pembubaran.

FASAL 14

PENUBUHAN DAN PEMBUBARAN CAWANGAN-CAWANGAN

1. Penubuhan Pertubuhan Negeri
 - (a) Pertubuhan Negeri bolehlah ditubuhkan di tiap-tiap Negeri di Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan tertakluk kepada perenggan (c) Fasal ini.
 - (b) Majlis Tertinggi berkuasa penuh menubuh dan mengiktiraf Pertubuhan Negeri dan Pertubuhan Cawangan di peringkat Negeri atau sesebuah daerah, mukim atau kampung dan juga berkuasa penuh membubar mana-mana Pertubuhan Negeri atau Pertubuhan Cawangan kerana satu-satu sebab tertentu.
 - (c) Pertubuhan Negeri dan Pertubuhan Cawangan tidak boleh

ditubuhkan sebelum dibenarkan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia.

- (d) Sesebuah Negeri hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya tiga (3) cawangan dengan jumlah keahlian tidak kurang 1000 orang Ahli Biasa.

2. Penubuhan Pertubuhan Cawangan

- (a) Pertubuhan Cawangan-cawangan boleh ditubuhkan di mana-mana daerah, mukim atau kampung dalam sesebuah Negeri dengan persetujuan Majlis Tertinggi.
- (b) Sesebuah Pertubuhan Cawangan bolehlah ditubuhkan dengan tidak kurang daripada 100 orang Ahli Biasa atau jumlah lain yang dipersetujui oleh Majlis Tertinggi.
- (c) Sesebuah Pertubuhan Cawangan yang telah diluluskan penubuhannya oleh Pendaftar Pertubuhan hendaklah membuka akaun bank atas nama cawangan tersebut.
- (d) Kegiatan sesebuah Pertubuhan Cawangan adalah dijalankan menurut keputusan Mesyuarat Agung tetapi Mesyuarat Agung itu sendiri adalah tertakluk di bawah syarat-syarat Perlembagaan ini dan Aturan Peraturan Mesyuarat.

FASAL 15

MESYUARAT AGUNG CAWANGAN

1. Mesyuarat Agung Pertubuhan Negeri

- (a) Mesyuarat Agung bagi sesebuah Pertubuhan Negeri hendaklah diadakan sekali dalam dua tahun sebelum akhir Ogos tahun kedua.

- (b) Mesyuarat Agung Pertubuhan Negeri hendaklah mengandungi :-
- (i) Ahli-ahli Jawatankuasa Pertubuhan Negeri penggal mesyuarat agung berkenaan;
 - (ii) Wakil-wakil yang dipilih oleh Mesyuarat Agung Pertubuhan Cawangan-cawangan bagi mewakili cawangan-cawangan tersebut, seramai seorang wakil bagi tiap-tiap 50 orang Ahli Biasa Pertubuhan Cawangan berkenaan. Sesebuah Pertubuhan Cawangan boleh menghantar tidak lebih daripada sepuluh (10) orang wakil.
- (c) Di dalam Mesyuarat-mesyuarat Agung Pertubuhan Negeri, korumnya ialah separuh (1 / 2) daripada jumlah perwakilan atau dua kali jumlah Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Negeri, yang mana kurang.
- (d) Agenda Mesyuarat Agung Pertubuhan Negeri ialah :-
- (i) Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung yang lalu;
 - (ii) Membentangkan Laporan Dwitahunan;
 - (iii) Membentang dan Menerima Penyata Kewangan Tahunan;
 - (iv) Memilih Pegawai-Pegawai berikut :-
 - Pengerusi Negeri
 - Timbalan Pengerusi Negeri
 - Naib Pengerusi Negeri

(Nama-nama calon untuk (iv) di atas hendaklah diputuskan dalam Mesyuarat Agung Pertubuhan Cawangan-cawangan terlebih dahulu dan disampaikan ke Pejabat Setiausaha Negeri dalam masa 14 hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung

Pertubuhan Negeri. Ahli yang hendak bertanding hendaklah mendapat sekurang- kurangnya dua (2) pencalonan daripada Pertubuhan Cawangan-cawangan dengan syarat salah satu pencalonan adalah daripada Cawangan ahli tersebut didaftarkan).

- (v) Memilih Pegawai-pegawai peringkat Pusat bagi jawatan seperti berikut:
 - Presiden
 - Timbalan Presiden
 - Tiga (3) orang Naib Presiden

- (vi) Memilih perwakilan dan perwakilan ganti ke Mesyuarat Agung Dwitahunan peringkat Pusat.

Perwakilan yang dipilih oleh Mesyuarat Agung Negeri terdiri daripada seramai seorang wakil bagi tiap-tiap 100 orang Ahli Biasa daripada Pertubuhan Cawangan-cawangan yang mengadakan Mesyuarat Agung pada tahun berkenaan, dengan syarat tidak ada Pertubuhan Negeri boleh menghantar lebih daripada 30 orang perwakilan.

- (vii) Memilih dua (2) orang Pemeriksa Kira-Kira;

- (viii) Jawatankuasa Pertubuhan Negeri yang dipilih dalam Mesyuarat Agung Negeri secara automatik dipilih sebagai perwakilan Negeri.

- (ix) Membincangkan usul-usul yang telah diterima daripada Mesyuarat Agung Pertubuhan Cawangan.

- (e) Pemberitahuan Mesyuarat Agung Pertubuhan Negeri hendaklah disampaikan ke Cawangan-cawangan bersama-sama Notis, Agenda dan Penyata Tahunan dalam masa 14 hari sebelum tarikh mesyuarat.

2. Mesyuarat Agung Khas Pertubuhan Negeri bolehlah diadakan pada bila-bila masa dengan mengikut salah satu syarat berikut :-
 - (a) Dengan kehendak Pengerusi Negeri dengan persetujuan Majlis Tertinggi;
 - (b) Dengan permintaan bersurat daripada sekurang-kurangnya separuh (1/2) daripada ahli-ahli Jawatankuasa Pertubuhan Negeri;
 - (c) Dengan permintaan bersurat daripada sekurang-kurangnya separuh daripada Pertubuhan Cawangan-cawangan yang sah pendaftaran.
 - (d) Permintaan dalam (b) dan (c) di atas hendaklah disokong dengan alasan-alasan yang lengkap dan mesyuarat itu mestilah diadakan dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan itu.
3. Mesyuarat Agung Khas Pertubuhan Negeri hendaklah mengandungi bilangan perwakilan yang sama seperti Mesyuarat Agung Dwitahunan.
4. Mesyuarat Agung Pertubuhan Cawangan
 - (a) Mesyuarat Agung Biasa hendaklah diadakan pada tiap-tiap dua tahun sekali sebelum akhir bulan Mei tahun kedua.

Jika sekiranya tidak cukup korum selepas $\frac{1}{2}$ jam lamanya; Pengerusi hendaklah menangguhkan mesyuarat itu kepada suatu masa yang lain.
 - (b) Korum Mesyuarat Agung dijalankan adalah $\frac{1}{3}$ daripada jumlah Ahli Biasa atau dua kali jumlah Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Cawangan, yang mana kurang.
 - (c) Agenda Mesyuarat Agung Pertubuhan Cawangan adalah :-

- (i) Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung yang lalu;
- (ii) Membentangkan Laporan Dwitahunan;
- (iii) Membentangkan dan Menerima Penyata Kewangan Tahunan;
- (iv) Memilih Pegawai-pegawai dan Ahli Jawatankuasa :-
 - Pengerusi
 - Naib Pengerusi
 - Lima (5) orang Ahli Jawatankuasa
- (v) Memilih Ahli-ahli dan ahli ganti ke Mesyuarat Agung Dwitahunan Pertubuhan Negeri.

(Pengerusi dan Naib Pengerusi secara automatik dipilih menjadi wakil namun tertakluk kepada jumlah kelayakan Pertubuhan cawangan menghantar wakil iaitu seramai seorang wakil bagi tiap-tiap 50 orang Ahli Biasa Pertubuhan Cawangan berkenaan. Sesebuah Pertubuhan Cawangan boleh menghantar tidak lebih daripada 10 orang wakil);
- (vi) Melantik Pemeriksa Kira-Kira Cawangan;
- (vii) Membincangkan usul-usul yang telah diterima daripada Ahli-Ahli.

5. Mesyuarat Agung Khas Pertubuhan Cawangan boleh diadakan pada bila-bila masa mengikut salah satu sebab berikut :-

- (a) Dikehendaki oleh Majlis Tertinggi dan Jawatankuasa Pertubuhan Negeri atau Pengerusi Cawangan.
- (b) Dengan permintaan bersurat daripada sekurang-kurangnya

1/3 daripada ahli-ahli Jawatankuasa Pertubuhan Cawangan.

- (c) Dengan permintaan bersurat daripada sekurang-kurangnya 1/3 daripada Ahli Biasa.

Permintaan di dalam (b) dan (c) di atas hendaklah disokong dengan alasan-alasan yang munasabah dan mesyuarat itu hendaklah diadakan dalam tempoh 30 hari setelah menerima permintaan tersebut.

FASAL 16

JAWATANKUASA CAWANGAN

1. Jawatankuasa Pertubuhan Negeri

- (a) Jawatankuasa Pertubuhan Negeri hendaklah mengandungi 13 orang Ahli Jawatankuasa seperti berikut :-

- (i) Pengerusi
- (ii) Timbalan Pengerusi
- (iii) Naib Pengerusi
- (iv) Setiausaha
- (v) Bendahari
- (vi) Ketua Penerangan
- (vii) Ketua Kebajikan
- (viii) Enam (6) orang ahli lain yang dipilih oleh Mesyuarat Agung Pertubuhan Negeri yang terdiri daripada Pengerusi- pengerusi Cawangan.

- (b) Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Naib Pengerusi hendaklah dipilih oleh Mesyuarat Agung Pertubuhan Negeri.

- (c) Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan dan Ketua Kebajikan hendaklah dilantik oleh Pengerusi Negeri dengan persetujuan Jawatankuasa Pertubuhan Negeri dan mereka akan memegang jawatan masing-masing sehingga diadakan

Mesyuarat Agung Pertubuhan Negeri atau meminta berhenti atau mereka diberhentikan oleh sebab-sebab tertentu.

- (d) Sekiranya seseorang ahli Jawatankuasa Pertubuhan Negeri meletak jawatannya atau mati atau pun meminta berhenti atau pun dia diberhentikan oleh Majlis Tertinggi, Jawatankuasa Pertubuhan Negeri berkuasa melantik penggantinya sehingga Mesyuarat Agung Dwitahunan diadakan.
- (e) Seseorang Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Negeri boleh meminta berhenti daripada memegang jawatannya dengan bersurat serta menyatakan sebab-sebabnya kepada Setiausaha dan pemberhentiannya hendaklah dimaklumkan kepada Jawatankuasa Pertubuhan Negeri yang berkuasa melantik penggantinya jika permohonan tersebut diterima.
- (f) Jawatankuasa Pertubuhan Negeri adalah menjadi anggota yang menjalankan pentadbiran Negeri di bawah kekuasaan dan perintah Majlis Tertinggi dan Mesyuarat Agung, tetapi Mesyuarat Agung itu sendiri tertakluk di bawah Perlembagaan dan Aturan Peraturan Mesyuarat.
- (g) Jawatankuasa Pertubuhan Negeri hendaklah bermesyuarat sekurang- kurangnya empat (4) bulan sekali atau pun bila- bila dikehendaki oleh Pengerusi Negeri atau atas permintaan bersurat oleh 1/3 daripada bilangan ahli-ahli Jawatankuasa Pertubuhan Negeri dengan menyatakan sebab-sebabnya sekali.
- (h) Korum bagi menjalankan sesuatu mesyuarat Jawatankuasa Pertubuhan Negeri ialah separuh ($\frac{1}{2}$) daripada ahli-ahli Jawatankuasa. Sekurang- kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat, notis dan agenda hendaklah diberikan.
- (i) Di dalam tiap-tiap Mesyuarat Jawatankuasa Pertubuhan Negeri, jika Pengerusi Negeri tidak hadir, maka Timbalan Pengerusi Negeri akan menjadi Pengerusi Mesyuarat dan jika kedua- duanya tidak hadir, maka Naib Pengerusi Negeri akan menjadi Pengerusi Mesyuarat. Jika ketiga-tiganya tidak hadir,

ahli-ahli yang hadir boleh melantik salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Negeri untuk mempengerusikan Mesyuarat tersebut.

2. Jawatankuasa Pertubuhan Cawangan

- (a) Jawatankuasa Pertubuhan Cawangan hendaklah mengandungi 11 orang Ahli Jawatankuasa seperti berikut :-
- (i) Pengerusi
 - (ii) Naib Pengerusi
 - (iii) Setiausaha
 - (iv) Bendahari
 - (v) Ketua Penerangan
 - (vi) Ketua Kebajikan
 - (vii) Lima (5) orang ahli lain yang dipilih dalam Mesyuarat Agung Cawangan.
- (b) Pengerusi, Naib Pengerusi dan lima (5) orang ahli di bawah perenggan (i),(ii),(vii) di atas hendaklah dipilih oleh Mesyuarat Agung.
- (c) Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan dan Ketua Kebajikan hendaklah dilantik oleh Pengerusi Cawangan dengan persetujuan Jawatankuasa Pertubuhan Cawangan dan mereka akan memegang jawatan masing-masing sehingga diadakan Mesyuarat Agung akan datang, atau mereka berhenti atau mereka diberhentikan dengan sebab-sebab tertentu.
- (d) Jika $\frac{2}{3}$ atau pun lebih daripada ahli-ahli Jawatankuasa Pertubuhan Cawangan berhenti dengan serentak, Setiausaha Cawangan hendaklah memanggil Mesyuarat Agung Khas untuk memilih ahli-ahli Jawatankuasa Pertubuhan Cawangan bagi menggantikan mereka. Sementara itu ahli-ahli Jawatankuasa Pertubuhan Cawangan yang tinggal itu hendaklah mengelola dan mentadbirkan Cawangan itu sehingga terbentuk Jawatankuasa Pertubuhan Cawangan yang baharu.

- (e) Seseorang Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Cawangan bolehlah meminta berhenti daripada jawatannya dengan menyatakan sebabnya secara bersurat kepada Setiausaha Cawangan dan pemberhentiannya itu hendaklah dimaklumkan kepada Jawatankuasa Pertubuhan Cawangan bagi pengetahuannya dan jika sekiranya pemberhentian itu diterima, Jawatankuasa Pertubuhan Cawangan adalah berkuasa melantik penggantinya.
- (f) Jawatankuasa Pertubuhan Cawangan adalah menjadi anggota-anggota yang menjalankan pentadbiran menurut keputusan - keputusan Mesyuarat Agung tetapi Mesyuarat Agung itu sendiri tertakluk di bawah Perlembagaan itu dan Aturan Peraturan Mesyuarat.
- (g) Jawatankuasa Pertubuhan Cawangan hendaklah bermesyuarat sekurang- kurangnya enam (6) bulan sekali atau bila-bila masa jika dikehendaki oleh Pengerusi atau dengan permintaan bersurat daripada sekurang-kurangnya 1/3 daripada Ahli Jawatankuasa.
- (h) Separuh ($\frac{1}{2}$) daripada Ahli Jawatankuasa Cawangan adalah menjadi korum bagi sesuatu mesyuarat Jawatankuasa Pertubuhan Cawangan. Sekurang- kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat, notis dan agenda hendaklah diberikan.
- (i) Di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pertubuhan Cawangan, jika Pengerusi dan Naib Pengerusi tidak hadir, ahli-ahli yang hadir boleh melantik salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa Pertubuhan untuk mempengerusikan mesyuarat.

FASAL 17

TUGAS-TUGAS PEGAWAI-PEGAWAI CAWANGAN

1. Tugas-tugas Pegawai Negeri :-

(a) Pengerusi Negeri

- (i) Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan Negerinya.
- (ii) Melantik Setiausaha dan Bendahari Negeri dengan persetujuan Jawatankuasa Negeri dan bertanggungjawab atas kesempurnaan tugas masing-masing.
- (iii) Bertanggungjawab atas kesemua Pegawai dan kakitangan Negeri. Memanggil dan mempengerusikan Mesyuarat Agung Pertubuhan Negeri dan Mesyuarat Jawatankuasa Pertubuhan Negeri.

(b) Timbalan Pengerusi Negeri

- (i) Membantu tugas Pengerusi Negeri.
- (ii) Mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pertubuhan Negeri apabila Pengerusi Negeri tidak hadir.

(c) Naib Pengerusi Negeri

- (i) Membantu tugas-tugas Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Negeri.
- (ii) Mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pertubuhan Negeri apabila Pengerusi Negeri dan Timbalan Pengerusi Negeri tidak hadir.

(d) Setiausaha Negeri

- (i) Bertanggungjawab secara langsung kepada Pengerusi Negeri.
- (ii) Menjadi Pegawai yang khas bagi mentadbir perjalanan pejabat Negeri.
- (iii) Bertanggungjawab melaporkan kepada Pengerusi Negeri segala kegiatan berhubung dengan pejabat Negeri.
- (iv) Bertanggungjawab atas kesempurnaan Mesyuarat Agung Negeri dan Mesyuarat Jawatankuasa Pertubuhan Negeri.
- (v) Menyediakan Laporan Dwitahunan kepada Jawatankuasa Pertubuhan Negeri untuk dibentangkan di Mesyuarat Agung.
- (vi) Bertanggungjawab menandatangani baucer-baucer Pertubuhan Negeri dan menandatangani cek-cek bersama-sama Bendahari atau Pengerusi.

(e) Bendahari Negeri

- (i) Bertanggungjawab atas aliran kewangan Negeri.
- (ii) Bertanggungjawab menyediakan penyata kira-kira Negeri untuk diperiksa oleh Pemeriksa Kira-Kira bagi Mesyuarat Agung.
- (iii) Bertanggungjawab membentangkan penyata kira-kira yang telah diperiksa dan disahkan oleh Pemeriksa Kira-Kira kepada Jawatankuasa Pertubuhan Negeri.

(iv) Bendahari dan Setiausaha adalah Pegawai yang bertanggungjawab bersama-sama Pengerusi dalam menandatangani cek-cek.

(f) Ketua Penerangan Negeri

(i) Mentadbir dan menyusun rancangan-rancangan di peringkat Negeri.

(ii) Bertanggungjawab atas penerangan dan penyiaran yang dikelolakan oleh Negeri.

(iii) Melaporkan kepada Jawatankuasa Pertubuhan Negeri atas kerja- kerja penerangan yang diperbuat dalam negeri dari semasa ke semasa.

(g) Ketua Kebajikan Negeri

(i) Melaporkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pertubuhan Negeri segala perkara berkenaan dengan malapetaka yang menimpa ahli-ahli untuk diberi bantuan oleh pihak-pihak yang berwajib atau pun bantuan kecemasan sekiranya kewangan mengizinkan.

(ii) Bekerjasama dengan Ketua Kebajikan & Teknikal Pusat atas kerja-kerja kebajikan.

2. Tanggungan-tanggungan, kuasa dan kewajipan-kewajipan Jawatankuasa Pertubuhan Negeri adalah :-

(a) Menyedia dan membentangkan kepada mesyuarat mengenai kemajuan dalam masa dua (2) tahun yang lepas serta membentangkan Penyata Kira-Kira yang disahkan oleh Pemeriksa Kira-Kira.

(b) Menghantar kepada Pertubuhan Cawangan-cawangan satu

Laporan Tahunan dan Penyata Kira-Kira sekurang-kurangnya 21 hari sebelum Mesyuarat Agung Dwitahunan diadakan. Bagi Mesyuarat Agung Khas, notis dan agenda hendaklah juga dikirimkan 21 hari sebelum tarikh mesyuarat.

- (c) Melaporkan penyata kewangan tahunan yang telah diperiksa dan maklumat-maklumat lain yang diwajibkan dan yang dikehendaki kepada Pendaftar Pertubuhan Malaysia melalui Ibu Pejabat.
- (d) Berikhtiar dan menjalankan langkah-langkah dengan kumpulan-kumpulan lain atau pertubuhan dalam negeri berkenaan atas perkara-perkara yang boleh mendatangkan kebaikan sejajar dengan tujuan-tujuan dan maksud Pertubuhan dalam Perlembagaan.
- (e) Memilih ahli-ahli Pertubuhan Negeri bagi mewakili Negeri dalam sesebuah Pertubuhan, Jemaah atau Jawatankuasa.
- (f) Menubuh dan menyesuaikan perjalanan Jawatankuasa Kecil dalam Negeri menurut Perlembagaan Pertubuhan.
- (g) Mengiktiraf penubuhan Pertubuhan Cawangan-cawangan dengan kelulusan Majlis Tertinggi.
- (h) Menyelesaikan perselisihan yang berbangkit dalam sesebuah Jawatankuasa Kecil.
- (i) Menjalankan sebarang langkah yang dapat menentukan perkembangan Negeri bersesuaian dengan kehendak Perlembagaan.

3. Tugas-Tugas Pegawai-Pegawai Pertubuhan Cawangan :-

- (a) Pengerusi Cawangan
 - (i) Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan

Pertubuhan Cawangan keseluruhannya.

- (ii) Bertanggungjawab atas kesemua Pegawai dan kakitangan pejabat di peringkat Cawangan.
- (iii) Memanggil dan menguruskan Mesyuarat Agung Pertubuhan Cawangan dan Mesyuarat Jawatankuasa Pertubuhan Cawangan.
- (iv) Melantik Jawatankuasa Kecil untuk sesuatu tugas yang penting.
- (v) Berhak menandatangani semua cek-cek Pertubuhan Cawangan dan surat-suratan lain bersama-sama Setiausaha dan Bendahari.
- (vi) Mempunyai hak memberi persetujuan dan menandatangani semua peringatan mesyuarat setelah diluluskan.

(b) Naib Pengerusi Cawangan

- (i) Membantu tugas-tugas Pengerusi menguruskan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Pertubuhan Cawangan dan Jawatankuasa Kecil apabila Pengerusi tidak hadir.
- (ii) Dengan ketiadaan Pengerusi akan menandatangani cek-cek atau surat-suratan lain bersama-sama Setiausaha atau Bendahari.

(c) Setiausaha Cawangan

- (i) Bertanggungjawab secara langsung kepada Pengerusi Cawangan.
- (ii) Menjadi pegawai khas bagi mentadbirkan perjalanan pejabat Cawangan.

- (iii) Melaporkan kepada Pengerusi Cawangan segala tindakan yang diambil berhubung dengan pentadbiran Pejabat Cawangan.
- (iv) Bertanggungjawab atas kesempurnaan Mesyuarat Agung Pertubuhan Cawangan dan Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Pertubuhan Cawangan.
- (v) Menyediakan Laporan Tahunan untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Agung Pertubuhan Cawangan.
- (vi) Menandatangani baucer-baucer Pertubuhan Cawangan.
- (vii) Menandatangani cek-cek dan borang-borang bagi mengeluarkan wang di Pejabat Pos atau bank.

(d) Bendahari Cawangan

- (i) Bertanggungjawab atas kesempurnaan aliran kewangan.
- (ii) Menyediakan Penyata Kira-Kira untuk diperiksa oleh Pemeriksa Kira-Kira yang dipilih oleh Mesyuarat Agung Pertubuhan Cawangan.
- (iii) Membentangkan Penyata Kira-Kira yang telah diaudit.
- (iv) Bendahari dan Setiausaha adalah pegawai yang bertanggungjawab bersama-sama Pengerusi menandatangani cek-cek atau borang-borang pengeluaran wang Pertubuhan Cawangan.

(e) Ketua Penerangan Cawangan

- (i) Bertanggungjawab mentadbir dan menyusun rancangan-rancangan penerangan di Cawangannya.

- (ii) Melaporkan kepada Jawatankuasa Pertubuhan Cawangan mengenai kerja-kerja penerangan Persatuan yang dijalankannya dari semasa ke semasa.
- (f) Ketua Kebajikan Cawangan
- (i) Menerima dan membentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pertubuhan Cawangan segala laporan berkenaan dengan malapetaka yang menimpa ahli-ahli semoga dapat diatitkan bantuan diberi oleh pihak-pihak yang berwajib atau pun bantuan cemas sekiranya kewangan mengizinkan.
 - (ii) Bekerjasama dengan Ketua Kebajikan & Teknikal Pusat dan Ketua Kebajikan Negeri atas kerja-kerja kebajikan.

4. Tanggungan dan kewajipan-kewajipan Jawatankuasa Pertubuhan Cawangan :-

- (a) Berikhtiar menjalankan langkah-langkah bersama-sama pertubuhan lain yang berkaitan di dalam Cawangan itu berkenaan perkara-perkara kebajikan atau lain-lain yang sesuai dengan Perlembagaan Pertubuhan.
- (b) Membentangkan satu Laporan Tahunan dan Penyata Kira-Kira yang telah disahkan oleh Pemeriksa Kira-Kira di dalam Mesyuarat Agung Dwitahunan.
- (c) Menghantar kepada ahli-ahli Laporan Dwitahunan dan Penyata Kira-Kira yang telah disahkan sekurang-kurangnya 21 hari sebelum Mesyuarat Agung Dwitahunan diadakan. Bagi Mesyuarat Agung Khas, notis dan agenda juga hendaklah diberikan 21 hari terlebih dahulu.
- (d) Melaporkan Penyata Kira-Kira yang telah disahkan oleh Pemeriksa Kira-Kira dan maklumat lain yang diwajibkan

kepada Pendaftar Pertubuhan.

- (e) Menjalankan kehendak-kehendak Perlembagaan dan Aturan Peraturan Mesyuarat, dan sebarang langkah yang munasabah bagi menghasilkannya.

FASAL 18

KEWANGAN CAWANGAN

1. Peringkat Negeri

- (a) Sumber Kewangan Pertubuhan Negeri ialah :-
 - (i) Peruntukan Ibu Pejabat.
 - (ii) Derma, sumbangan, tajaan dan bantuan, sama ada daripada Kerajaan atau pihak lain.
 - (iii) Usaha-usaha lain yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Negeri.
- (b) Jawatankuasa Peruntukan Negeri hendaklah membuka akaun bank atas nama Pertubuhan.
- (c) Segala pendapatan dan keuntungan yang diperoleh dari kegiatan-kegiatan Jawatankuasa Peruntukan Negeri hendaklah dijadikan kepunyaannya dan tidak boleh dibahagi-bahagikan kepada atau di antara ahli-ahli sebagai faedah atau bonus.
- (d) Bendahari boleh menyimpan wang panjar tidak lebih daripada RM500 pada satu-satu masa.

- (e) Sebaik-baik sahaja selepas satu tahun kewangan, satu penyata kira-kira pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun itu hendaklah disediakan dan diaudit oleh Pemeriksa Kira- Kira. Penyata kira-kira bagi sesuatu tahun itu hendaklah dihantar ke Ibu Pejabat dan Pejabat Pendaftar Pertubuhan sepertimana yang dikehendaki oleh Pendaftar Pertubuhan.
- (f) Akaun Pertubuhan Negeri tidak boleh digunakan untuk menjalankan perniagaan.
- (g) Penandatanganan cek Pertubuhan Negeri terdiri daripada pengerusi, setiausaha dan bendahari.
- (h) Syarat untuk tujuan pengeluaran wang adalah (2) dua tandatangan diperlukan yang mana tandatangan Pengerusi Negeri adalah wajib.

2. Peringkat Cawangan

- (a) Sumber Kewangan Pertubuhan Cawangan ialah :-
 - (i) Peruntukan Ibu Pejabat dan Negeri.
 - (ii) Derma, sumbangan, tajaan dan bantuan, sama ada daripada Kerajaan atau pihak lain.
 - (iii) Usaha-usaha lain yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Cawangan.
- (b) Jawatankuasa Peruntukan Cawangan hendaklah membuka akaun bank atas nama Pertubuhan.
- (c) Segala pendapatan dan keuntungan yang diperolehi dari kegiatan-kegiatan Jawatankuasa Peruntukan Cawangan hendaklah dijadikan kepunyaannya dan tidak boleh dibahagi-

bahagikan kepada atau di antara ahli-ahli sebagai faedah atau bonus.

- (d) Bendahari boleh menyimpan wang panjar tidak lebih daripada RM400 pada satu-satu masa.
- (e) Sebaik-baik sahaja selepas satu tahun kewangan, satu penyata kira-kira pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun itu hendaklah disediakan dan diaudit oleh Pemeriksa Kira- Kira. Penyata kira-kira bagi sesuatu tahun itu hendaklah dihantar ke Ibu Pejabat dan Pejabat Pendaftar Pertubuhan sepertimana yang dikehendaki oleh Pendaftar Pertubuhan.
- (f) Akaun Pertubuhan Cawangan tidak boleh digunakan untuk menjalankan perniagaan.
- (g) Penandatanganan cek Pertubuhan Cawangan terdiri daripada jawatan pengerusi, setiausaha dan bendahari.
- (h) Syarat untuk tujuan pengeluaran wang adalah (2) dua tandatangan diperlukan yang mana tandatangan Pengerusi Cawangan adalah wajib.

FASAL 19

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN UMUM MENGENAI CAWANGAN

1. Di mana peruntukan khas tiada disebut di dalam Perlembagaan ini bagi perkara-perkara yang berhubung dengan Pentadbiran Pertubuhan Negeri dan Pertubuhan Cawangan, Undang-Undang yang berkenaan mengenai pentadbiran Ibu Pejabat Pertubuhan akan diikuti oleh Pertubuhan Negeri dan Pertubuhan Cawangan sejauh mana yang sesuai. Mesyuarat Agung dan Majlis Tertinggi akan memberi arahan-arahan kepada Mesyuarat Agung Pertubuhan Negeri atau Cawangan dan Jawatankuasa Pertubuhan Negeri atau Cawangan mengenai

Negeri atau Cawangan berkenaan.

2. Segala penerangan yang menyentuh dasar Pertubuhan yang akan dikeluarkan oleh Pertubuhan Negeri-negeri dan Pertubuhan Cawangan-cawangan hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran dari Ibu Pejabat.
3. Pejabat Setiausaha Negeri
 - (a) Pejabat Negeri ialah Pejabat Setiausahanya.
 - (b) Pejabat Setiausaha itu bolehlah ditempatkan di mana-mana juga dalam satu-satu kawasan di dalam Negeri itu yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Pertubuhan Negeri dan mendapatkan kebenaran terlebih dahulu dari Pendaftar Pertubuhan Malaysia.
4. Pejabat Setiausaha Cawangan
 - (a) Pejabat Pertubuhan Cawangan ialah Pejabat Setiausahanya.
 - (b) Pejabat Setiausaha boleh ditempatkan di mana juga di dalam kawasan itu dan terlebih dahulu hendaklah dipersetujui oleh Pertubuhan Cawangan.

FASAL 20

PINDAAN PERLEMBAGAAN

1. Perlembagaan ini atau sebahagian daripadanya boleh dipinda, dimansuh, ditukar atau ditambah dengan ketetapan yang dipersetujui oleh tidak kurang daripada 2/3 wakil-wakil yang ada dalam Mesyuarat Agung dan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam tempoh 60 hari dari tarikh keputusan meminda Perlembagaan

itu untuk mendapat pengesahan. Sebarang pindaan kepada Perlembagaan tidak boleh dikuatkuasakan tanpa kelulusan diperoleh daripada Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

2. Satu ketetapan hendak meminda atau memansuhkan Perlembagaan ini hendaklah dihantarkan kepada Setiausaha Agung mengikut syarat di dalam Aturan Peraturan Mesyuarat.
3. Perlembagaan ini berjalan kuatkuasanya daripada tarikh yang diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan akan tetapi sebarang perbuatan atau pekerjaan yang telah dikendalikan oleh Persatuan ini terlebih dahulu daripada Perlembagaan ini diluluskan adalah sah, sekalipun perbuatan dan pekerjaan itu tidak sesuai mengikut kehendak Perlembagaan ini.

FASAL 21

TAFSIRAN PERLEMBAGAAN

Jika berbangkit sebarang perselisihan faham di atas tafsiran Perlembagaan ini atau Aturan Peraturan Mesyuarat yang dibuat di bawah kuatkuasanya, tafsiran yang diberikan oleh Majlis Tertinggi adalah muktamad sehingga dirombak oleh Mesyuarat Agung.

FASAL 22

LARANGAN

Tiada berkaitan

FASAL 23

BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA

1. Bendera
2. Lambang



3. Lencana

- (a) Lencana ini hanyalah dikeluarkan oleh Pejabat Setiausaha Agung kepada Pertubuhan Negeri-negeri untuk dibahagikan kepada Pertubuhan Cawangan-cawangan. Empat salinan Lencana ini hendaklah diserahkan kepada Pendaftar Pertubuhan untuk diluluskan.
- (b) Logo Persatuan ini berbentuk sephohon pokok berdaun hijau dan batang berwarna coklat yang melambangkan kesuburan dan kemewahan bidang pertanian. Gelang-gelang yang terdapat di bawah pokok melambangkan persepakatan yang wujud di antara pekebun kecil dan perkataan “PKPKM” yang terdapat di dalam gelang induk adalah ringkasan nama Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia.

FASAL 24

PERUNTUKAN AM

1. Melantik Wakil-wakil

- (a) Tiap-tiap seorang wakil ke Mesyuarat Agung Pertubuhan Pusat hendaklah dipilih oleh Mesyuarat Agung Pertubuhan Negeri daripada Ahli Biasa.
- (b) Secara umumnya seseorang wakil yang telah dipilih untuk menghadiri Mesyuarat Agung Pertubuhan Pusat atau Mesyuarat Agung Pertubuhan Negeri tidak boleh ditukar ganti. Sungguhpun begitu, Majlis Tertinggi mempunyai kuasa meluluskan pertukaran perwakilan dalam keadaan tertentu, sekiranya mempunyai sebab-sebab yang kukuh.

2. Pemegang Jawatan

- (a) Pemegang jawatan di peringkat Pertubuhan Pusat akan gugur jawatannya pada tarikh Mesyuarat Agung Dwitahunan peringkat Pusat diadakan kecuali jawatan yang dipertandingkan dalam Mesyuarat Agung Dwitahunan peringkat Negeri akan gugur jawatannya secara automatik dalam Majlis Tertinggi apabila jawatannya gugur dalam Mesyuarat Agung Dwitahunan peringkat Negeri.
- (b) Pemegang jawatan di peringkat Pertubuhan Negeri akan gugur jawatannya secara automatik dalam Jawatankuasa Pertubuhan Negeri apabila jawatannya gugur dalam Mesyuarat Agung Dwitahunan peringkat Negeri kecuali mereka yang dipilih atau dilantik semula.

- (c) Pemegang jawatan di peringkat Pertubuhan Cawangan akan gugur jawatannya secara automatik dalam Jawatankuasa Pertubuhan Cawangan apabila jawatannya gugur dalam Mesyuarat Agung Dwitahunan peringkat Cawangan kecuali mereka yang dipilih atau dilantik semula.
- (d) Semua pemegang jawatan dalam Majlis Tertinggi, Jawatankuasa Negeri dan Jawatankuasa Cawangan secara automatik akan terhenti menjadi ahli Majlis Tertinggi atau ahli Jawatankuasa Negeri dan Cawangan jika gagal menghadiri mesyuarat-mesyuarat tersebut sebanyak tiga kali berturut-turut tanpa sebab yang munasabah. Kekosongan boleh diisi oleh Presiden atau Pengerusi Negeri / Cawangan jika perlu.

3. Hilang Kelayakan Memegang Jawatan

Seseorang ahli akan hilang hak kelayakannya memegang sebarang jawatan dalam Persatuan sekiranya Pertubuhan Negeri atau Pertubuhan Cawangan yang dianggotainya terbatal pendaftarannya.

4. Buku dan Daftar Ahli

- (a) Ibu Pejabat hendaklah menyimpan salinan borang-borang permohonan ahli-ahli mengikut Pertubuhan Negeri-negeri dan Pertubuhan Cawangan- cawangan.
- (b) Majlis Tertinggi berkuasa membuat sebarang peraturan mengenai Buku Daftar ini.

5. Dokumen Pengesahan Keahlian Persatuan

- (a) Tiap-tiap seorang ahli hendaklah mempunyai Sijil Keahlian.
- (b) Sijil Keahlian itu hanyalah dikeluarkan oleh Ibu Pejabat.
- (c) Caj sebanyak RM5.00 akan dikenakan jika ahli ingin menggantikan sijil yang telah rosak atau hilang;

- (d) Penggantian kad keahlian akan dikenakan bayaran yang jumlahnya akan ditentukan oleh Majlis Tertinggi.
- 6. Semua Ahli yang berkhidmat di dalam Majlis Tertinggi atau Pertubuhan Negeri atau Pertubuhan Cawangan dan tiap-tiap pegawai lain yang menjalankan tugas- tugas di dalam Pertubuhan atau Negeri atau Cawangan hendaklah Warganegara Malaysia.
- 7. Persatuan ini atau Pertubuhan Negeri dan Pertubuhan Cawangan tidak boleh mengadakan pergabungan atau apa-apa perhubungan di luar Malaysia.